

Karnival Pengajian Tinggi Berjaya Di-adakan Buat Kali Ke-13

Oleh Halizah Mansiang

halizahlizah512@gmail.com

KOTA KINABALU , 12 MAC – Lawatan mesra daripada Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Dato' Kamel Bin Mohamad.Karnival ke Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) Zon (5) Sabah atau dikenali sebagai Jom Masuk IPT yang diadakan buat kali ke-13 di One Borneo Hypermall, Sabah pada pukul 8.30 pagi hingga 5 petang.

Terdapat 20 buah booth daripada Universiti Awam dan 36 buah booth daripada kolej-kolej di Malaysia. Sebanyak 35 buah agensi-agensi lain juga turut serta dalam memperkenalkan booth sempena Karnival ini.

Karnival ini dianjurkan oleh JPT

yang bertujuan untuk membekalkan maklumat terkini berkenaan program-program pengajian dan program baharu yang ditawarkan oleh universiti-universiti di Sabah.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga turut memperkenalkan program baharu iaitu, Sarjana Muda Pendarasan Islam dengan Kepujian (HI15) di bahawa Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan kepada pengunjung yang datang pada hari tersebut. Pengenalan kepada program baharu ini meningkatkan lagi kuota kemasukan ke UMS pada sesi akan datang kepada orang ramai.

Secara langsung KPT berjalan dengan lancar dalam menyebarkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi secara meluas bagi meningkatkan lagi kemasukan pelajar-pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi selaras dengan elemen Transformasi Negara 50.



Y.Bhg. Dato' Kamel Bin Mohamad mengunjungi Booth Universiti Malaysia Sabah

Foto Oleh Halizah Mansiang